



KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku Sejarah Umat Islam

PTS Media Group tampil dengan menerbitkan sebuah lagi karya tokoh terkenal, Buya HAMKA, iaitu Sejarah Umat Islam. Nama ini bukan sahaja terkenal di Indonesia, malah di Malaysia, Singapura, Brunei, dan beberapa negara Arab. Beliau diberi gelaran Buya, iaitu panggilan masyarakat Minangkabau yang bermaksud ayah ataupun seorang yang dihormati. Buya HAMKA terkenal sebagai seorang sasterawan, pendakwah, ulama, dan aktivis politik. Beliau banyak menghasilkan karya-karya berharga antaranya Tasawuf Islam, Tuan Direktur, Falsafah Hidup, Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, Ayahku, Merantau ke Deli, Tafsir Al-Azhar, dan sebagainya. Buku Sejarah Umat Islam ini adalah karya emas beliau.

Edisi 2016 adalah buku yang komprehensif dalam menceritakan kisah sejarah Islam. Buku ini tidak hanya terhad menceritakan tentang sejarah Nabi Muahmmad s.a.w., bahkan meliputi serata dunia, dari zaman kegemilangannya hingga zaman keruntuhannya. Antaranya ialah:

- Tamaddun Arab sebelum kedatangan Islam
- Dunia sebelum kedatangan Nabi Muhammad s.a.w.
- Peperangan Nabi Muhammad s.a.w.
- Khalifah yang berempat (Khulafa'ur-Rashidin)
- Kerajaan Bani Umaiyah (Umayyiah)
- Kerajaan Bani Aabbas
- Kerajaan-kerajaan Islam di Andalusia
- Kerajaan-kerajaan Islam di Afrlka
- Kerajaan-kerajaan Islam di Mesir, Syam, dan Semenanjung Arab
- Perkembangan agama Islam di Iran (Parsi), kerajaan Mongol Islam, dan Daulat Safawiyah
- Perkembangan agama Islam di India dan Afghanistan
- Kerajaan Turki Uthmaniah
- Perkembangan agama Islam di Nusantara (Aceh, Riau, Samudra-Pasai, Jawa, Melaka, dan Johor)

Buku ini membuatkan kita kagum dengan keluasan maklumat yang dimiliki oleh Buya HAMKA tentang sejarah. Beliau ada menyebut:

"Meninjau sejarah hendaklah dengan rasa cinta, seakan-akan kita turut hidup dengan mereka. Oleh itu, rasa hati dan suka duka kita sekarang, adalah rasa hati dan suka duka yang telah mereka tinggalkan buat selama-lamanya."

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my